

Majlis Perasmian Program Latihan Menangani Keganasan Terhadap Wanita

Ucapan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Hajah Adina binti Othman, di Majlis Perasmian Program Latihan Menangani Keganasan Terhadap Wanita anjuran Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam pada, 5 Julai 2010 bertempat di Bilik Teratai, Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Gadong

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi

ALHAMDULILLAH, kita panjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di atas limpah rahmat-Nya jua maka kita telah dapat menghadirkan diri beramai-ramai ke majlis yang penuh berkebakikan pada pagi ini.

Terlebih dahulu saya sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam kerana berkesudian menjemput saya hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Program Latihan Menangani Keganasan Terhadap Wanita Sempena Sambutan Hari Wanita ASEAN pada tahun ini.

Impian setiap negara adalah menuju kepada dunia yang bebas daripada sebarang keganasan kerana tanpa keganasan, masyarakat yang hidup dalam sesebuah negara dapat hidup dengan aman, damai dan harmoni serta dapat menikmati kemajuan negara. Namun demikian di antara isu yang boleh menjejaskan kesejahteraan sesebuah masyarakat atau negara ialah keganasan terhadap wanita.

Kejadian keganasan terhadap wanita yang berlaku yang sering kita dengar telah menyebabkan secara tidak langsung imej budaya, pemikiran dan kepercayaan kita terhadap agama boleh dipertikaikan. Ini kerana, sekiranya kita memperkatakan tentang Islam dan cara hidupnya adalah tidak mungkin perkara yang hina sebegini boleh berlaku.

Wanita sebagaimana juga lelaki berperanan sebagai pembentuk keluarga bahagia, di samping sebagai penyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara. Kejayaan wanita mengimbangi dwiperanan ini sudah terbukti dan amat dikagumi. Tanggungjawab wanita mewujudkan keluarga berteraskan baiti-jannati atau rumahku syurgaku, bermula sejak lahirnya seorang bayi sehinggalah ianya dewasa. Ibu berperanan utama dalam membentuk dan

menerap nilai-nilai murni dan mulia dalam jiwa anak-anak supaya mereka membesar menjadi generasi yang berilmu dan berjasa kepada keluarga, bangsa, agama dan negara.

Di Negara Brunei Darussalam peranan wanita ke arah pembangunan negara memang tidak dapat disangkalkan lagi. Perkara ini adalah selaras dengan strategi pembangunan negara di bawah Wawasan Brunei 2035 iaitu untuk memberi peluang yang sama kepada wanita dalam Perkhidmatan Awam dan sektor swasta di dalam pembangunan negara, pada masa kini 38.8 peratus daripada jumlah tenaga kerja dalam sektor pekerjaan terdiri daripada golongan wanita dan penyertaan golongan ini di dalam sektor awam pula ialah sebanyak 49 peratus. Dalam sektor perniagaan pula, golongan wanita merupakan sebilangan besar dari pengusaha perniagaan kecil dan sederhana (SME).

Namun demikian, walaupun wanita turut berperanan ke arah pembangunan keluarga, masyarakat dan negara, golongan ini sering menjadi mangsa kepada keganasan dalam pelbagai bentuk dan kelakuan. Keganasan terhadap wanita meliputi semua bangsa, agama, pendapatan, kelas dan budaya dan Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali dalam mengalami isu ini. Keganasan bukan semestinya keganasan fizikal tetapi tidak kurang dahsyatnya adalah keganasan secara mental.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh pihak Polis Diraja Brunei mengenai kes-kes keganasan rumah tangga, penderaan terhadap isteri merupakan kes yang tertinggi diterima. Pada tahun 2006, sebanyak 138 kes penderaan isteri telah diterima dan jumlah ini meningkat kepada 145 kes pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, kes-kes yang dilaporkan kepada pihak polis, nampaknya ada penurunan yang mana pada tahun 2008 telah turun ke 119 kes dan pada tahun 2009 hanya 88 kes penderaan isteri diterima. Kita penuh berharap bahawa penurunan kes-kes yang dilaporkan mencerminkan peningkatan kesedaran orang ramai bahawa keganasan terhadap wanita adalah satu-satu isu sosial yang tidak dapat diterima di masyarakat ini. Akan tetapi, kita memang turut kluatir bahawa ada kemungkinannya masih terdapat kes-kes yang tidak dilaporkan atas sebab malu, stigma dan sebagainya.

Yang harus diambil berat ialah 'multiplier effect' dan kesan negatif bukan sahaja terhadap wanita dan gadis tersebut, malah kepada anak-anak mereka, masyarakat umum dan juga terhadap negara. Wanita yang menjadi mangsa akan mengalami pelbagai masalah kesihatan seperti mengalami kecederaan, kecacatan atau trauma, tidak dapat berdikari atau tidak berkeupayaan untuk mencari nafkah kehidupan dan penglibatan mereka dalam kegiatan masyarakat adalah terhad. Dari segi kanak-kanak yang menyaksikan kejadian keganasan sudah setentunya akan mengalami perasaan trauma, prestasi pembelajaran mungkin akan menurun serta tingkah laku yang bermasalah. Daripada penyelidikan jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mengalami penderaan atau menyaksikan perbuatan penderaan akan menjadi pendera di masa depan. Dari segi negara, kerajaan akan membelanjakan sejumlah wang yang

besar untuk menangani kes penderaan wanita dan gadis seperti perbelanjaan kos perbicaraan, kos penempatan dan pembelanjaan harian, kos perubatan dan sebagainya lagi.

Oleh yang demikian, menyedari betapa buruknya kesan yang diterima ekoran kejadian ini, maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan pelbagai langkah bagi membendung pelaksanaan tersebut. Ini terbukti dengan terbentuknya Majlis Kebangsaan Menangani Isu Sosial di peringkat menteri yang mana antara lain tujuan pembentukannya ialah untuk menangani isu-isu sosial seperti kes-kes keganasan terhadap wanita.

Dari segi undang-undang, pada 26 Jun 2010, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pindaan ke atas dua undang-undang dengan memasukkan komponen keganasan rumah tangga yang juga relevan bagi keganasan terhadap wanita. Dengan ini pemasukan Bahagian V A dalam S 12/00 Perintah Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) dan pemasukan Bahagian II A baru dalam Penggal 190 dalam Perintah Akta Perempuan Bersuami (Pindaan) 2010 adalah khusus bagi menangani isu keganasan rumah tangga adalah di bawah bahagian 'dharar syarie'. Perintah-perintah ini menyediakan antara lain perlindungan segera perlindungan di rumah kebajikan 'restraining order', pampasan dan kaunseling mandatori.

Tindakan-tindakan kerajaan dalam menangani isu ini adalah selaras dengan komitmen negara terhadap 'Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women' atau 'CEDAW, Beijing Platform of Action for Women and Declaration on the Elimination of Violence Against Women in ASEAN Region'.

Inisiatif Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam pada hari ini menunjukkan kepekaan Majlis Wanita terhadap masalah yang dihadapi oleh kaum wanita di negara ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pertubuhan ini di atas usaha menganjurkan program yang amat berfaedah ini dalam sama-sama mendukung dan membantu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menangani isu-isu wanita.

Melalui program ini saya yakin ianya akan dapat menambahkan lagi maklumat serta memberikan panduan kepada semua pihak khususnya para peserta program yang mana nanti akan dapat dikongsikan bersama dengan pihak-pihak lain sama ada dengan ahli keluarga, rakan-rakan atau masyarakat secara amnya. Oleh itu, ke arah meningkatkan lagi semangat 'caring society' di kalangan masyarakat di negara ini saya mengharapkan agar usaha sebegini akan dapat diteruskan di masa-masa akan datang. Saya penuh yakin bahawa badan-badan bukan kerajaan serta masyarakat sivil akan dapat memainkan peranan proaktif bagi menangani isu-isu sosial di negara ini. Teruskanlah usaha biskita dan berikanlah sumbangan demi kesejahteraan masyarakat dan negara.

Keganasan terhadap sesiapaapun adalah perbuatan keji yang langsung tidak dapat diterima dari segi martabat kemanusiaan atau 'human dignity'. Ramai yang menganggap kes keganasan rumah tangga adalah perkara peribadi di antara suami isteri dan antara pihak keluarga sahaja. Kita perlu mengubah sikap dan pandangan masyarakat agar menyedari bahawa kes-kes penderaan perlu ditangani oleh semua pihak termasuk ahli- ahli keluarga dan masyarakat. Dengan ini saya menyeru kepada orang ramai supaya mengamalkan sikap tegur-menegur dan jangan segan bersuara jika kita berperasaan ada sesuatu yang kurang menyenangkan. Berilah sokongan kepada mangsa-mangsa penderaan sama ada sokongan moral atau material demi kebajikan dan kesejahteraan mereka. Kerana sudah setentunya masyarakat penyayang dan pemedulian akan melahirkan bangsa dan negara yang lebih sempurna. Yang pentingnya kita harus menyampaikan mesej kepada mangsa-mangsa penderaan bahawa mereka bukan bersendirian dalam penderitaan mereka; "they are not alone" dan ada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang bersedia untuk membantu mereka.

Dari segi gambaran besar katanya, isu keganasan rumah tangga dan keganasan terhadap wanita memerlukan pendekatan pelbagai agensi yang menyeluruh atau 'holistic' bagi membolehkan usaha yang bersepadu yang mana harus mengambil kira semua aspek dari segi pencegahan, penguatkuasaan, perlindungan dan pemulihan. Ke arah ini dan bagi mendukung pindaan baru kepada perintah Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) 2010 dan Perintah Akta Perempuan Bersuami (Pindaan) 2010, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersedia untuk bekerjasama dengan semua agensi- agensi termasuk agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk sama-sama membendung masalah ini, insya-Allah melalui satu Pelan Tindakan Menangani Keganasan Rumah Tangga yang mengambil kira semua aspek tersebut.

Untuk itu, dengan mendahulukan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala maka saya rasmikan Program Latihan Menangani Keganasan Terhadap Wanita Sempena Hari Wanita ASEAN Tahun 2010 Anjuran Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.